

Jambatan baru Pulau Pinang 'elakkan orang ramai berenang'

UM 31 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggamatkan sidang Dewan Rakyat apabila berkata, jambatan baru akan dibina di Pulau Pinang bagi mengelakkan orang ramai berenang seperti Datuk Abdul Malik Mydin yang menyeberangi Selat Ingggeris.

“Dulu kita nak buat Jambatan Pulau Pinang, wah, cukup marah parti pembangkang. Sekarang ini, minta lagi satu (jambatan)... tak cukup satu, nak lagi satu.

“Kita buat jugalah kerana kalau tidak, orang Pulau Pinang akan ikut Malik Mydin berenang setiap hari (berulang alik dari Seberang Prai-Pulau Pinang),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Mohamed Nasir Che Daud (Pas-Kuala Krai)** pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Dr. Mahathir juga berkata,

anggota parti pembangkang seperti burung tiong, yang mengulang setiap kata-kata yang dikeluarkan oleh negara Barat.

Perdana Menteri merujuk kepada ungkapan yang dibuat oleh Mohamed Nasir mengenai **Tyranny of Majority** yang dilaung-laungkan oleh negara Barat.

Sementara itu **Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong)** sebelum mengemukakan soalan tambahan membacakan pantun empat kerat dalam bahasa Melayu, Mandarin, Arab dan Tamil untuk memberi penghormatan kepada Dr. Mahathir iaitu:

“Anak merpati disambar helang

Terbang kedidi di dalam rumah

Harimau mati meninggalkan belang

Manusia mati meninggalkan nama”.